

'Usah tunggu orang mati'

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bharian.com.my

SEREMBAN: Penduduk di Taman Matahari Heights, di sini bimbang dengan keadaan Kolam Takungan Taman Matahari Heights di kawasan berhampiran yang tidak diselenggara sejak setahun lalu dan dipercayai boleh menjadi tempat haiwan berbisa dan nyamuk Aedes membiak.

Tinjauan *Sentral* mendapati kolam milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu kini dipenuhi pokok kiam-bang, manakala kawasan sekitar yang sebelum ini dijadikan tempat rekreasi, dipenuhi lalang.

Kolam berkenaan turut mengeluarkan bau terutama selepas hujan atau jika keadaan berangin, manakala sampah boleh dilihat di merata-rata tempat.

JPS juga meletakkan papan tanda melarang orang awam mandi atau memancing di kolam itu.

Peniaga, Zawiyah Yaakob, 54, berkata kali terakhir kolam itu diselenggara JPS pada awal tahun lalu apabila banyak sampah dari kolam itu dikeluarkan.

Namun, katanya, selepas itu, kolam itu tidak lagi diselenggara, namun dalam tempoh itu, ada pihak yang datang memotong rumput dan lalang yang tumbuh meliar di kawasan berkenaan.

"Sudah lama rumput tidak dipotong menyebabkan kawasan itu tidak terurus. Saya bimbang jika keadaan ini berterusan, boleh menyebabkan nyamuk Aedes membiak, sekali gus kes demam denggi meningkat.

"Selepas kolam ini dise-

Penduduk Taman Matahari Heights risau kolam takungan jadi tempat biak nyamuk



NOR ADILA AB KADIR | BERITA HARIAN

KOLAM takungan JPS di Taman Matahari Heights, Seremban.

lenggara setahun lalu, ada penduduk datang berjoging dan riadah di sini kerana ada beberapa kemudahan disediakan termasuk batu refleksiologi, tetapi selepas tiada pihak menguruskannya, penduduk pun tidak berani datang kerana bimbang ada haiwan berbisa atau nyamuk Aedes," katanya ketika ditemui di sini.

Nor Hayati Ibrahim, 50, berkata sejak tinggal di taman itu lebih dua tahun lalu, kolam itu sudah wujud dan pada tahun pertama ia dijaga dengan baik oleh JPS.

Namun, katanya, sejak tahun lalu, kolam itu dibiarkan kotor hingga membimbang-

kan penduduk setempat selain memburukkan pemandangan.

"Saya tidak mahu nanti apabila ada penduduk yang meninggal kerana demam denggi baru pihak berkenaan mahu mengambil tindakan. Sepatutnya tindakan mencegah perlu dilakukan dari sekarang.

"Ketika itu mungkin ada pihak yang menuding jari sesama sendiri dan boleh jadi lebih ramai penduduk akan berpindah kerana tidak sanggup tinggal di kawasan ini akibat kewujudan kolam yang boleh menyebabkan penyakit dan memburukkan pemandangan," katanya.



“Jangan tunggu ada penduduk meninggal kerana demam denggi baru pihak berkenaan nak bertindak. Ketika itu mungkin ada pihak yang menuding jari sesama sendiri”

Zawiyah Yaakob
Peniaga



BATU refleksiologi berdekatan kolam takungan dipenuhi semak.